



GERABAK MRT melalui kawasan Stesen Taman Connaught, Cheras, Kuala Lumpur baru-baru ini.



Di Stesen Stadium Kajang inilah Perdana Menteri dijadual merasmikan MRT laluan fasa kedua Sungai Buloh-Kajang hari ini.

INFO MRT Sungai Buloh-Kajang

- Keseluruhan kos projek MRT bernilai RM55 bilion dengan laluan Sungai Buloh-Kajang yang dimulakan pada 8 Julai 2011 menelan belanja RM23 bilion manakala laluan Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya (RM32 bilion)
- Laluan sejauh 51 kilometer dan mempunyai 31 buah stesen serta 16 kawasan parkir.
- Fasa pertama laluan Sungai Buloh-Semantan beroperasi pada 16 Disember 2016 dengan 12 stesen antaranya Sungai Buloh, Kampung Selamat, Mutiara Damansara dan Bandar Utama, Petaling Jaya.
- Fasa kedua laluan Semantan-Kajang beroperasi mulai hari ini melibatkan 19 stesen termasuk tujuh stesen bawah tanah dan 12 stesen bertingkat.
- Tujuh stesen bawah tanah ialah Pasar Seni, Muzium Negara, Bukit Bintang, Cochrane, Merdeka, Tun Razak Exchange dan Maluri.
- 12 stesen bertingkat ialah Taman Permata, Taman Midah, Taman Mutiara, Taman Connaught, Taman Suntex, Sri Raya, Bandar Tun Hussein Onn, Bukit Dukung, Taman Koperasi Cuepacs, Sungai Kantan, Bandar Kajang dan Kajang.
- MRT merupakan perkhidmatan tren tanpa pemandu dengan kelajuan 100 kilometer sejam.

Perdana Menteri rasmi MRT laluan Semantan-Kajang

MRT Fasa 2 Sungai Buloh-Kajang beroperasi hari ini

Kosmo
17/7/17
mls-2

strategik yang tidak mempunyai perkhidmatan rel bandar.

Pengarah Komunikasi Strategik dan Hal Ehwal Pihak Berkepentingan Mass Rapid Transit Corporation Sdn. Bhd. (MRT Corp), Datuk Najmuddin Abdullah berkata, pihaknya yakin MRT fasa kedua SBK sejauh 51km itu mampu menangani masalah kesesakan lalu lintas secara drastik di ibu kota.



NAJIB

“Terdapat kira-kira 1.2 juta penduduk di sepanjang jajaran MRT sejauh 51km dan kelompok berkenaan akan mendapat manfaat secara langsung disebabkan lokasi penempatan terletak dalam lingkungan 5km dari stesen,” katanya kepada *Kosmo!* di sini semalam.

Najmuddin berkata, mereka tidak perlu memandu ke stesen sebaliknya boleh menggunakan perkhidmatan bas ulang alik setiap 10 hingga 15 minit sekali bermula pukul 5.30 pagi hingga 12.30 tengah malam.

“Sehingga kini, pengguna MRT fasa pertama mencecah kira-kira tiga juta orang dan pembukaan laluan fasa kedua SBK dijangka melibatkan pertambahan pengguna sehingga 10 peratus,” katanya.

Tambahnya, penumpang MRT fasa pertama Sungai Buloh-Semantan yang beroperasi mulai Disember lalu berjaya menerima 15,000 pengguna sehari.

“Dalam tempoh jangka panjang iaitu sehingga dua tahun lagi, jumlah penumpang MRT dijangka meningkat kepada 430,000 orang sehari,” katanya.

Najmuddin berkata, selepas ini pihaknya akan menumpukan kepada pembangunan MRT laluan Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya yang meli-



- Tambang MRT Sungai Buloh-Kajang bermula dari 80 sen hingga RM6.40 (tunai) manakala pengguna kad Touch 'n Go membayar RM5.40.
- Perjalanan dari Sungai Buloh ke Kajang memakan masa satu jam 28 minit.
- Masa menunggu selama 3.5 minit bagi setiap ketibaan tren.
- Mempunyai 58 set tren membawa empat gerabak dengan setiap satu berkapasiti 1,200 penumpang

Apa kata mereka

“Saya rasa tidak sabar untuk mencuba perkhidmatan MRT. Selama lebih 10 tahun tinggal di Kajang, saya sebelum ini lebih selesa menaiki bas untuk ke Kuala Lumpur



ZULKARNAIN ABDUL AZIZ, 70
Pesara kerajaan

“MRT memudahkan saya untuk pergi ke mana-mana destinasi di Lembah Klang tanpa perlu memikirkan soal kos minyak, tol dan membayar caj tempat letak kenderaan



NUR HAMIZA MD. HASHIM, 30
Eksekutif Sumber Manusia

batkan kawasan berkapasiti tinggi di sekitar Greater Kuala Lumpur merangkumi bandar utama di ibu kota dan Selangor. “Ini termasuklah meng-

hubungkannya dengan perkhidmatan Transit Aliran Ringan (LRT), Komuter Keretapi Tanah Melayu (KTM) dan KL Monorail,” jelasnya.